

17 MAR 2000

Nube-Bank

NUBE MAHU BANK SIASAT DAKWAAN KAKITANGAN BOCORKAN DOKUMEN

KUALA LUMPUR, March 17 (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-pekerja Bank Kebangsaan (NUBE) mengeluarkan kenyataan keras kepada kakitangan yang membocorkan maklumat urus niaga pelanggan bank, ia menyatakan tindakan itu adalah tidak bertanggungjawab dan tidak profesional.

Setiausaha agungnya G.Gopala Krishnan berkata NUBE tidak akan membenarkan kakitangan bank membocorkan maklumat rahsia kerana ia menyalahi etika perbankan.

"NUBE bersetuju dengan Perdana Menteri perbuatan itu adalah tidak bertanggungjawab dan tidak profesional," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kakitangan bank membocorkan maklumat pelanggan melalui Internet.

Gopala berkata tindakan itu adalah menyalahi Akta Institusi Perbankan dan Kewangan (Bafia) dan kesalahan itu adalah serius.

"Kami berharap bank terbabit akan menyiasat perkara itu dan mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah," katanya.

"NUBE bagi pihak kakitangan bank meminta kerajaan menimbang semula tindakannya tidak mahu lagi berurusan dengan bank terbabit kerana ia boleh dianggap menghukum kesemua kakitangan dan bank, berikutan kelakuan segelintir kakitangan yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Berkaitan hasrat kerajaan negeri Melaka untuk mengeluarkan simpanannya daripada dua buah bank terbabit, Gopala meminta Ketua Menteri Datuk Wira Ali Rustam untuk menimbang semula keputusannya itu.

NUBE cuba mengatur pertemuan dengan ketua menteri itu agar kerajaan negeri dapat menimbang semula keputusannya mengeluarkan simpanan tersebut, katanya.

Mengulas tindakan beberapa kakitangan yang menyokong pembangkang semasa waktu kerja, Gopala berkata kesatuan bersetuju ia adalah salah dan pengurusan bank berhak untuk menghalang perbuatan itu.

"Kami berharap agensi kerajaan berkaitan akan membuat aduan kepada ibu pejabat bank terbabit bagi membolehkan siasatan dijalankan," katanya.

Sementara itu dalam satu kenyataan, Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia berkata ia memandang serius dakwaan kakitangan bank membocorkan maklumat pelanggan.

"Persatuan menekankan kakitangan perlu mengikuti semua peruntukan di bawah Bafia pada setiap waktu," demikian menurut kenyataan itu.

Seksyen 97 Peruntukan Rahsia Akta Institusi Perbankan dan Kewangan (Bafia) menyatakan tiada sebarang pegawai insititusi kewangan berlesen dibenar menerbitkan sebarang maklumat berkaitan urus niaga bank dengan pelanggan.

-- BERNAMA

RV RI